

# Kejayaan BN Sarawak beri petanda positif

UM 29 SEP 2001

KUALA LUMPUR 28 Sept. — Kemenangan cemerlang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya Sarawak memberi petanda positif terhadap masa depan BN dan amalan demokrasi yang berterusan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah jelas rakyat Sarawak menolak politik kotor seperti mengugut, berkasar dan meng-

gunakan perkataan yang tidak baik.

Bercakap dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, MT berpuas hati dengan hasil pilihan raya tersebut.

“Kita puas hati kerana Keadilan dan Pas ditolak bulat-bulat oleh orang Sarawak dan tak

dapat bertapak di Sarawak, begitu juga di Sabah,” kata beliau.

Berikutan kejayaan cemerlang itu, katanya, UMNO akan mengutus surat tahniah kepada Pengerusi BN Negeri merangkap Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Parti Pembangkang, khususnya, Keadilan dan Pas mengalami kekalahan teruk dan gagal meraih sebarang kerusi pada pilihan raya itu.

Pada pilihan raya kali ini, Pas bertanding di tiga kawasan dan seorang calonnya hilang wang pertaruhan, manakala Keadilan kecundang di 25 kawasan dengan 11 calonnya hilang wang pertaruhan.

BN mencatat kejayaan cemerlang dengan memperoleh 60 kerusi manakala masing-masing satu kerusi oleh DAP dan calon Bebas.